

# Terapkan budaya Melayu baru — PM

UM 30 APR 2000

Oleh ROSNI HASSAN

KUALA LUMPUR 29 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru orang Melayu melakukan perubahan lebih besar dengan menerangkan budaya Melayu baru jika ingin menyaingi bangsa-bangsa lain tanpa kehilangan identiti dan agama mereka.

Kata Perdana Menteri, budaya Melayu baru yang lebih dinamis mampu menangkis pengaruh tidak sihat termasuk melalui teknologi maklumat.

Beliau menegaskan, teknologi maklumat boleh mendedahkan orang Melayu kepada budaya hedonis Barat yang mengutamakan keseronokan hidup, yang boleh merosakkan akidah mereka.

Menurutnya, sikap keterlaluan di kalangan masyarakat Barat mengejar keseronokan berasaskan memuaskan nafsu seks menyebabkan terhapusnya institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

“Pendedahan kepada budaya ini melalui teknologi maklumat terutamanya Internet boleh menghakis bu-

daya Melayu secara langsung,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Simposium Jati Diri Melayu Abad 21 di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah berusaha membentuk budaya baru bagi orang Melayu untuk menangkis pengaruh tidak sihat itu yang dikenali sebagai Melayu baru.

“Melayu baru bukan kaki minum, tahi judi, kaki perempuan, menolak agama Islam dan adat resam Melayu seperti yang cuba digambarkan oleh mereka yang ingin orang Melayu terus kolot dan tidak mampu menangani cabaran zaman moden,” katanya.

Melayu baru yang dimaksudkan beliau ialah golongan terpelajar, bersemangat, berani menghadapi cabaran dan pegangan kepada Islam tidak terhad kepada rupa bentuk tetapi nilai Islam seperti amanah, tidak mungkir janji, ikhlas, berfikiran waras, bertolak ansur dan tidak mudah menuduh orang Islam lain sebagai tidak Islam.

Menurutnya, sesiapa yang menghalang pemben-

tukan Melayu baru sama dengan orang zaman dahulu yang percaya memperoleh ilmu menerusi bahasa Inggeris akan menyebabkan orang Melayu menjadi Kristian.

Melayu baru jelas Dr. Mahathir, mampu menguasai teknologi maklumat dan tidak terlibat dengan minum arak dan maksiat lain kerana golongan ini memiliki dan mengamalkan nilai-nilai murni yang memberi kekuatan kepada orang Islam pada zaman kegemilangan Islam.

## Nilai murni

Kata beliau, bagi Za’ba, Melayu baru di zamannya ialah Melayu yang berbudi bahasa, sedar akan perubahan di persekitarannya dan mengakui perlunya perubahan sikap untuk memajukan diri sendiri.

Oleh kerana budaya sesuatu bangsa perlu dikekalkan melalui didikan di rumah dan sekolah, maka kata beliau, guru-guru perlu memainkan peranan yang besar bagi menyemai nilai-nilai murni ke arah pembentukan Melayu baru.

Sehubungan itu, kata beliau, guru-guru yang dilatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan maktab-maktab perguruan perlu diberi kursus intensif bagi menyemai budaya Melayu baru di kalangan pelajar.

Di samping itu, Dr. Mahathir juga menyeru masyarakat supaya bersedia untuk menghadapi era globalisasi dan mempelajari selok-belok pengetahuan ekonomi (k-ekonomi) supaya ia tidak terlalu merugikan mereka.

“Amatlah merbahaya jika kerana kita tidak bersetuju dengan bentuk globalisasi, kita menolak segala usaha untuk melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk menangani k-ekonomi.” ujarnya.

Kata beliau, satu contoh kesan globalisasi ialah industri dan perniagaan ditutup dan diambil alih oleh syarikat asing menyebabkan peniaga tempatan kembali menjadi pengeluar bahan mentah seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit yang harganya akan ditekan turun.